

**Anggota MIC Perlu Tahu Hal Sebenar - Bekas Anggota CWC
Bernama
Jan 6, 2015**

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Ahli-ahli MIC wajar diberitahu hal sebenar berhubung isu Pendaftar Pertubuhan (ROS) dan kemungkinan parti itu dibatalkan pendaftarannya jika gagal mematuhi syarat-syarat ROS, kata seorang bekas anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) dan bekas bendahari agung parti, Datuk R.Ramanan.

Beliau berkata presiden parti, Datuk Seri G. Palanivel perlu menjelaskan kepada ahli-ahli dan pemimpin situasi semasa mengenai perkara itu.

"Apa pun yang berlaku, ahli-ahli perlu tahu hal sebenar, beliau (Palanivel) mesti memberi jaminan bahawa MIC tidak akan dibatalkan pendaftarannya," kata Ramanan.

Ahad lepas, Palanivel memberi jaminan bahawa pucuk pimpinan parti tidak akan membiarkan MIC dibatalkan pendaftarannya dengan apa cara sekalipun.

Pada 5 Dis, ROS mengarahkan MIC mengadakan pemilihan semula bagi jawatan tiga naib presidennya dan 23 kerusi CWC dalam tempoh 90 hari.

Ini berikutan aduan bahawa wujud salah guna kuasa dan tata laku yang melanggar perlembagaan parti dan Akta Pertubuhan.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1098469>